

JANGAN LEPASKAN HAIWAN PELIHARAAN KE ALAM SEMULA JADI



APAKAH SPESIES HAIWAN BUKAN ASLI?

Spesies bukan asli atau spesies yang diperkenalkan adalah jenis hidupan yang didapati di luar habitat normal mereka disebabkan aktiviti manusia. Namun, tidak semua spesies tersebut adalah invasif.

APAKAH SPESIES INVASIF ITU?

Spesies invasif adalah haiwan atau tumbuhan yang tinggal di luar habitat normal mereka dan mempunyai impak negatif terhadap organisma atau persekitaran yang berlaku secara semulajadi. Perkara ini terjadi selepas ia diperkenalkan oleh manusia ke alam sekitar tersebut.

MENGAPA PERKARA INI PENTING?

Selalunya, spesies yang diperkenalkan oleh manusia ini dapat berkembang biak dengan cepat dan jika dibiarkan, mereka boleh menguasai habitat dan menindas hidupan liar asli.

Di kebanyakan tempat di dunia, spesies asli hanya hidup di kawasan yang sangat kecil atau bahkan, di satu tempat sahaja. Oleh itu, apabila spesies bukan asli diperkenalkan, ini boleh menyebabkan spesies asli menjadi pupus. Ekosistem bergantung kepada spesies asli untuk memainkan peranan yang penting. Kehilangan atau ketidakseimbangan satu spesies boleh merosakkan keseluruhan ekosistem dan berisiko mempengaruhi hidupan liar dan manusia.

APA YANG BOLEH KITA LAKUKAN UNTUK MENCEGAHNYA?

Jangan pernah melepaskan haiwan peliharaan ke habitat liar atau di mana-mana sahaja kawasan yang tidak sepatutnya.

Jika anda tidak lagi boleh menyimpan haiwan peliharaan itu untuk apa-apa sebab, aturkan mereka kepada pemilik yang baru secara bertanggungjawab, atau, hubungi kedai haiwan tempatan atau pusat pemulihan haiwan untuk mendapatkan nasihat selanjutnya.

Selain itu, adalah penting untuk menasihati orang lain yang mungkin merancang untuk melepaskan spesies bukan asli tersebut ke habitat luar untuk tidak berbuat demikian, dan membantu mereka mencari perkhidmatan pemulihan haiwan yang sesuai.